

0843MST 28 03 85  
0873

B 8557 DEB

MAHATHIR - PROTON R R R R R  
(I) 1985

TANAH MERAH, 28 MAC (BERNAMA) -- PERUSAHAAN OTOMOBIL NASIONAL SENDIRIAN BERHAD (PROTON) DIJANGKA MENGALAMI KERUGIAN SEKURANG-KURANGNYA \$35,000 DARIPADA SETIAP UNIT KERETA PROTON SAGA YANG DIJUAL DALAM TAHUN PERTAMA PENGELUARANNYA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

INI DISEBABKAN SYARIKAT ITU YANG MEMPUNYAI KEMUDAHAN MENGELUARKAN 120,000 UNIT HANYA MENGELUARKAN 5,000 UNIT KERETA ITU. TAHUN INI, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN BANGUNAN UMNO BAHAGIAN TANAH MERAH DI SINI HARI INI.

+ SYARIKAT ITU TELAH MELABUR BANYAK WANG. SEBAB ITU KAMI MENERIMA KENYATAAN YANG KAMI AKAN MENGALAMI KERUGIAN DI PERINGKAT AWAL, + KATANYA.

WALAUPUN BEGITU, KERETA PROTON SAGA AKAN DIJUAL DENGAN HARGA YANG BOLEH BERSAING BERBANDING DENGAN JENIS LAIN YANG MEMPUNYAI KEUPAYAAN YANG SAMA.

MENGENAI KANDUNGAN BAHAN TEMPATAN DALAM KERETA ITU, BELIAU BERKATA 38 PERATUS DARIPADA ALAT-ALAT KOMPONENNYA DIKELUARKAN DI NEGARA INI MANAKALA 62 PERATUS LAGI DIIMPORT DARI JEPUN DALAM BENTUK KENDERAAN BELUM PASANG. -- LAGI.

1945MST 28 03 85

D894

B 8558 DEB

MAHATHIR - PROTON 2 TANAH MRAH R R R R R  
(I)

KATANYA KANDUNGAN BAHAN TEMPATAN ALAT-ALAT KOMPONEN TEMPATAN KERETA ITU AKAN DITAMBAH SEDIKIT DEMI SEDIKIT SEHINGGA MENCAPI 80 PERATUS.

UNTUK MENCAPI TAHAP PENGGUNAAN BAHAN TEMPATAN SEHINGGA 100 PERATUS ADALAH MUSTAHIL KERANA DI JEPUN SENDIRI SETENGAH-SETENGAH PERALATAN KERETA MEREKA DIDAPATI DARI LUAR.

MENURUTNYA KOSNYA LEBIH TINGGI UNTUK MENGELUARKAN ALAT-ALAT KOMPONEN DI NEGARA INI BERBANDING DENGAN MEMBELINYA DARI JEPUN DISEBABKAN JUMLAHNYA TIDAK BEGITU BESAR DAN KERANA KOS PENGELUARANNYA AKAN DITOKOK KEPADA KOS ALAT-ALAT KOMPONEN TEMPATAN.

DALAM MASA YANG SAMA, HARGA ALAT-ALAT GANTI ITU YANG DITAWARKAN OLEH PARA PEMBEKAL JEPUN TIDAK MENCUKUPI PEMBIAYAAN PENGELUARAN ALAT-ALAT ITU DI NEGARA INI.

+ INI ADALAH HAKIKAT YANG MESTI DITERIMA TETAPI KAMI AKAN MEMASTIKAN YANG KAMI HANYA MEMBAYAR HARGA YANG MINIMUM, + KATANYA.  
-- LAGI.

1947MBT 28 03 85

B B560 DEB  
MAHATHIR - PROTON 3 TANAH MERAH R R R R R  
(1)

MENJAWAB PERTANYAAN LAIN, BELIAU BERKATA MUNGKIN KOS  
PENGELUARANNYA LEBIH MURAH JIKA MALAYSIA MENGIMPORT KESELURUHAN  
KOMPONEN DARI LUAR +TETAPI KITA AKAN SELAMA-LAMANYA MENGEKSPORT WANG  
... KITA TIDAK AKAN BELAJAR UNTUK MEMBUAT APA-APAPUN.+

+ DI JEPUN ANDA BOLEH MEMBELI KERETA DENGAN HARGA \$8,000 HINGGA  
\$9,000 YANG BERTARAF KIRA-KIRA \$20,000 DI SINI TETAPI HARGA UNTUK  
BARANG-BARANG LAIN SEPERTI MAKANAN ADALAH TINGGI.+

MENURUTNYA HARGA KERETA DI NEGARA INI TINGGI DISEBABKAN CUKAI  
DAN JIKA CUKAI ITU DITURUNKAN ORANG RAMAI AKAN BERSUKA RIA  
MEMBELI-BELAH DAN NEGARA INI AKAN KERUGIAN DI SEGI TUKARAN WANG  
ASING.

KATANYA HARGA PROTON SAGA YANG HENDAK DIEKSPORT AKAN DITURUNKAN  
SEPARUH DARIPADA YANG DIJUAL DI SINI UNTUK MEMBOLEHKANNYA BERSAING  
DENGAN KELUARAN NEGARA-NEGARA LAIN.

DUA UKURAN KEUPAYAAN ENJIN YANG AKAN DIKELUARKAN PADA PERINGKAT  
AWAL IALAH 1,300 C.C. DAN 1,500 C.C. DAN PROTON JUGA MERANCANG  
MENGELUARKAN JENIS ENJIN BERSAIS 1,600 C.C. SELEPAS ITU.

PROTON MERANCANG UNTUK MENGELUARKAN 40,250 UNIT TAHUN DEPAN,  
67,600 (1987), 84,400 (1988), 95,200 (1989), 100,200 (1990) DAN  
105,100 (1991). -- BERNAMA.

4954MST 28 03 85